

**Kemudahterancaman dan Kelestarian Hidup Komuniti Luar Bandar:
Satu Penelitian Dari Sudut Kerangka Kelestarian Hidup**
**(Vulnerability and Livelihood Sustainability of the Rural Community: An investigation from
Sustainable Livelihood Framework)**

Mustaffa Omar, Mohd Samsudin, Ishak Yussof, Sharina A. Halim

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Received 7 May 2012; accepted 7 Oktober 2012

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan meneliti tahap kemudahterancaman aktiviti ekonomi dan kehidupan komuniti luar bandar di Mukim Penyabung, Mersing, Johor. Dalam membuat penelitian ini, kerangka kelestarian kehidupan (Sustainable Livelihood Framework) telah dijadikan panduan. Selaras dengan kerangka penelitian ini, kemudahterancaman dan kelestarian kehidupan komuniti kajian adalah tertakluk kepada sejauhmanakah penguasaan mereka terhadap beberapa modal berikut: modal fizikal, modal sosial, modal kewangan, modal manusia, dan modal semulajadi. Turut menentukan kemudahterancaman dan kelestarian kehidupan komuniti kajian adalah tekanan dan kejutan daripada faktor-faktor di luar kawalan mereka yang terhasil daripada tindakan manusia, perubahan alam sekitar dan dasar pemerintah. Bahagian akhir penulisan ini pula membincangkan beberapa strategi ke arah menanggani masalah kemudahterancaman tersebut disertai dengan mengemukakan beberapa syor bagi meningkatkan kelestarian hidup dalam kalangan komuniti kajian.

Kata kunci: kemudahterancaman, kelestarian hidup, komuniti luar bandar

ABSTRACT

This paper seeks to examine the level of vulnerability in economic activity and livelihood of a rural community in Penyabung sub-district, Mersing, Johor. In this study, the sustainable livelihood framework has been used as a guide. In line with this research framework, the sustainability of community livelihood is subjected to what extent they are in control of the following assets (capital): physical capital, social capital, financial capital, human capital and natural capital. Other determinants of the community levels of vulnerability and sustainability include external forces such as environmental stress, shock and trends resulting from human action, environmental change and government policy. The final section of this paper discusses various strategies undertaken at local and institutions level in order to successfully improve the livelihood of the rural community.

Keywords: vulnerability, sustainable livelihood, rural community

PENGENALAN

Menurut teori, peningkatan tahap kemudahterancaman terhadap aktiviti ekonomi dan kehidupan penduduk boleh menjaskan kelestarian kehidupan mereka dan generasi seterusnya dalam mengharungi kehidupan masa depan (Scoones 1998, Bebbington 1999, Solesbury 2003). Peningkatan dalam tahap kemudahterancaman ini menyebabkan penduduk akan lebih terdedah kepada kesan luaran negatif yang boleh menjaskan kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga (UNDP 1999a, 1999b). Namun begitu, persoalan ini lazimnya berbeza-beza tergantung kepada keadaan sosio-ekonomi dan geopolitik sesebuah petempatan penduduk. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan membincangkan persoalan ini dengan memberi tumpuan khusus terhadap tingkat kawalan penduduk terhadap lima jenis modal, iaitu modal fizikal, modal sosial, modal kewangan, modal manusia dan modal semulajadi. Secara teorinya, pemilikan ke atas modal-modal ini memungkinkan penduduk dapat memperkasakan diri dan sekaligus terlepas daripada situasi kemudahterancaman kepada kehidupan.

Namun begitu, pemerhatian awal di kawasan kajian menunjukkan bahawa penguasaan komuniti setempat ke atas modal-modal ini masih belum mencukupi bagi menjamin bahawa mereka akan terlepas daripada situasi kehidupan yang mudah terancam. Inimemandangkan terdapat juga faktor-faktor luaran lain di luar kawalan mereka yang boleh mempengaruhi kesejahteraan kehidupan masing-masing. Dalam konteks ini, faktor tekanan akibat perubahan musim, kejutan dan trend yang berhasil daripada tindakan manusia, perubahan alam sekitar dan dasar pemerintahdilihat berperanan dalam mempengaruhi tahap kemudahterancaman hidup komuniti kajian. Bahagian akhir penulisan ini pula membincangkan beberapa strategi yang diambil komuniti setempat dan institusike arah menanggani masalah kemudahterancaman tersebut. Turutdibincangkan dalam bahagian akhir ini ialah beberapa syor bagi meningkatkan kelestarian hidup dalam kalangan komuniti kajian.


METODOLOGI

Kerangka Konseptual

Dalam artikel ini, kemudahterancaman secara umum merujuk kepada situasi apabila seseorang individu atau unit sosial dikatakan tidak mempunyai kapasiti yang secukupnya untuk bertindak secara efektif apabila menghadapi sesuatu ketidaktentuan dalam kehidupan (OECD 2007). Sementara, kelestarian kehidupan seperti mana menurut Chambers & Conway (1991) pula merujuk kepada keupayaan individu atau unit sosial untuk mengatasi dan bangun pulih daripada sesuatu tekanan (*stress*) atau kejutan (*shock*), serta mengukuh keupayaan dan aset untuk memenuhi keperluan diri dan generasi akan datang.

Dalam penulisan artikel ini, kerangka kelestarian kehidupan (*Sustainable Livelihood Framework (SLA)*) anjuran OECD 2007 telah dijadikan panduan. SLA adalah kajian silangdisiplin yang mengemukakan hasil, mengembangkan dan pengaplikasian bidang penyelidikan, polisi dan praktis (Knutson 2006). Dalam kerangka ini, kemudahterancaman dan kelestarian kehidupan komuniti kajian dilihat adalah tertakluk kepada sejauhmanakah komuniti tersebut mampu menguasai beberapa modal berikut: modal fizikal, modal sosial, modal kewangan, modal manusia, dan modal semulajadi. Turut menentukan tahap kemudahterancaman dan kelestarian hidup mereka juga adalah tertakluk kepada

Beberapa faktor luar kawalan yang terhasil daripada tindakan manusia, perubahan alam sekitar dan dasar pemerintah yang berbentuk kejutan (*shock*), bermusim (*seasonality*) dan mengikut perubahan trend (*trend*). Rajah 1 di bawah menunjukkan perkaitan antara faktor-faktor tersebut sebagai penjelasan kepada situasi kemudahterancaman dan kelestarian hidup dalam komuniti kajian.



Sumber: DFID 2001: livelhoods@dfid.gov.uk

Rajah 1. Kerangka Kelestarian Kehidupan

Kawasan Kajian

Kajian ini melibatkan beberapa perkampungan Melayu luarbandar dalam Mukim Penyabung, Mersing, Johor. Antara kampung yang terlibat dalam kajian ini termasuklah kampung Tg. Resang (N=28 keluarga); Teluk Sari (N=6 keluarga); Kg. Penyabong (N=97 keluarga) dan Kg. Sisek (N=7 keluarga). Jumlah keseluruhan keluarga dalam kawasan kajian adalah 138 buah dengan setiap ketua keluarga bertindak sebagai responden kajian. Memandangkan populasi yang agak kecil, tiada kaedah persampelan tertentu dijalankan berikutan proses menemuduga melibatkan hampir kesemua ketua isirumah yang terdapat di kampung-kampung ini.

Profil demografi & Sosioekonomi responden

Umur min bagi sebahagian besar responden kajian adalah di sekitar 53 tahun. Pembahagian mengikut jantina mendapati seramai 98 orang ketua keluarga adalah lelaki (71%) berbanding ketua keluarga wanita iaitu seramai 40 orang (29%). Sebahagian besar responden kajian adalah berstatus kahwin (N=103; 75%), diikuti mereka berstatus balu/bercerai (N=28; 20%), manakala mereka yang berstatus bujang adalah sekitar 5% (N=7 orang). Merujuk kepada pencapaian pendidikan responden, umumnya adalah tidak berpendidikan tinggi. Lebih separuh (N=76; 55%) responden kajian adalah berpendidikan setakat sekolah rendah sahaja, sementara (N=17; 12%) orang lagi tidak pernah bersekolah. Jumlah responden berpendidikan peringkat sekolah menengah amat rendah iaitu di tahapsekolah menengah rendah (N=16; 11%) dan sekolah menengah atas (N=26; 19%). Responden berstatus ketua keluarga yang mendapat pendidik kolej/universiti juga amat kecil bilangannya (N=3; 2%). Penemuan ini memperlihatkan bahawa berasaskan pencapaian pendidikan tertinggi,kualiti modal manusia dalam kalangan ketua keluarga ini sebahagian besarnya masih rendah. Pola ini juga menunjukkan bahawatahahap pengetahuan dan kemahiran dirimereka juga agak terbatas.

Pengamatan ke atas data pekerjaan menunjukkan bahawa hampir tiga perempat daripada responden kajian ($N= 99; 72\%$) merupakan golongan pekerja. Jumlah mereka yang tidak bekerja kerana bersara atau sudah lanjut usia agak besar ($N=39; 28\%$). Maklumat ini sekali lagi menunjukkan bahawa dari segi modal manusia, lebih satu perempat daripada responden kajian berada di luar kategori gunatenaga yang produktif. Merujuk kepada jenis pekerjaan yang diceburi responden, pada keseluruhannya tertumpu dalam sektor utama (primer) berasaskan pengeluaran saradiri iaitu sebagai nelayan ($N=29; 21\%$); petani/penternak ($N=7; 5\%$) dan bekerja sendiri ($N=13; 9\%$). Keterlibatan penduduk dalam sektor bergaji terutamanya sektor swasta adalah di sekitar 24% ($N=33$ orang); berbanding mereka yang bekerja di sektor awam sebagai kakitangan kerajaan ($N=4; 3\%$). Penyertaan responden dalam bidang keusahawanan terutama sebagai peniaga kecil-kecilanpula adalah sebanyak 9% ($N=13$ orang). Penemuan ini membuktikan bahawa penduduk setempat masih ramai menceburi sektor tradisional dengan bekerja sendiri sebagai nelayan dan petani/penternak. Bagi sebahagian lain dalam aktiviti keusahawanan, antara pekerjaan utama yang dilakukan adalah sebagai peniaga kecil-kecilan dengan membuka kedai runcit, warung makanan dan memproses hasil laut dengan membuat ikan masin dan keropok.

Berasaskan profil sosioekonomi dan demografi ketua isirumah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mudah terdedah kepada pelbagai bentuk ketidakpastian dan ancaman dalam kehidupan. Ini adalahberikutan daripada kurang berpendidikan dan memiliki pekerjaan yang tidak menjamin pulangan pendapatan yang mencukupi. Keterlibatan mereka dalam pekerjaan sebagai nelayan, petani/penternak dan peniaga kecil-kecilan menjadikan sumber pencarian mereka mudah terdedah kepada pelbagai situasi yang bersifat kejutan, ancaman bermusim atau terdedah kepada perubahan trend yang di luar kawalan diri.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Berikut dibentangkan hasil kajian berasaskan temubual dengan beberapa ketua isirumah daripada pelbagai jenis kelompok sosial di kawasan kajian. Terdapat empat jenis kelompok sosial yang dimaksudkan iaitu (i) wargatua (ii) wanita tidak bekerja (termasuk ibu tunggal)(iii) nelayan pantai, dan(iv) petani/penternak/peniaga kecil-kecilan. Aspek kemudahterancaman ke atas keempat-empat jenis kelompok sosial ini dikesan berasaskan penguasaan mereka ke atas lima jenis modal seperti mana telah digariskan dalam Kerangka Konseptual Kelestarian Kehidupan sebelum ini.

Warga Tua

Modal manusia: Penelitian ke atas profil responden dalam kalangan golongan wargatua di kawasan kajianmenunjukkan sebahagian besar adalah dalam kumpulan usia tua;uzur; kurang kekuatan fizikal dan mental serta tiada kemahiran untuk aktif bekerja. Kedudukan modal manusia sebegini telah mendedahkan mereka kepada pelbagai situasi kehidupan yang mudah terancam. Modal sosial: Berasaskan keluasan jaringan hubungan dan kerjasama yang dimiliki, jenis kelompok sosial wargatua ini didapati kurang jaringan dan sokongan sosial. Dengan menjalani hidup secara bersendirian; berstatus duda atau janda; sebagianya diabaikan ahli keluargadan masyarakat sekitar; diikutiketerlibatan agak kurang aktif dalam aktiviti sosial; serta kurang kesampaian kepada maklumat menyebabkan mereka mudah dibelenggu dengan kehidupan yang penuh ketidakpastian. Modal kewangan:

Dalam aspek pemilikan modal wang, pemilikan asset dan peluang mendapat kemudahan kredit pula, rata-rata wargatua di kawasan kajian ini tergolong dalam kategori tidak berharta; tiada tabungan peribadi; tiada menerima bantuan atau bantuan diterima pula tidak mencukupi; tiada jaminan pendapatan tetap dari pekerjaan yang diceburi, dan menghadapi kesukaran untuk membuat pinjaman atau mendapatkan bantuan kredit. Dalam keadaan sebegini, ramai dalam kalangan wargatua ini dilihat berhadapan dengan pelbagai masalah kewangan untuk menyara kehidupan masing-masing. Modal fizikal: Ditinjau dari segi pemilikan atau kebolehsampaian kepada modal fizikal, kebanyakannya golongan wargatua ini menumpang tempat tinggal di atas tanah orang lain atau tanah kerajaan. Kedudukan perkampungan mereka yang agak terpencil atau berjauhan dari pusat bandar Mersing (30km) dan pekan Endau (20km) menyebabkan mereka agak tersisih daripada kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan. Kedudukan modal fizikal sebeginitelah menyebabkan sebahagian mereka ini sukar mendapat perkhidmatan yang diperlukan bagi tujuan kelangsungan hidup.

Wanita (Tidak Bekerja/Ibu Tunggal)

Hasil kajian mendapati kumpulan kedua ini juga berhadapan dengan kehidupan yang mudah terancam di kawasan kajian. Penilaian ke atas pemilikan dan ketersampaian mereka kepada lima jenis modal berikut mendapati laluan hidup untuk masa depan bagi jenis sosial ini bukanlah sesuatu yang mudah. Modal Sosial: Mereka yang tergolong dalam kategori jenis sosial ini terdiri dalam kalangan wanita yang kematian suami (berstatus ibu tunggal); kurang mendapat sokongan keluarga atau anak dewasa lain; mempunyai tanggungan yang ramai; memiliki anak yang masih kecil; tiada menerima bantuan modal atau peralatan; dan memiliki jaringan sosial yang terhad. Modal Manusia: Dipantau dari segi modal manusia pula, terdapat dalam kalangan kumpulan wanita ini dilaporkan telah berusia; bermasalah kesihatan; kurang mendapat pendidikan; tiada memiliki kemahiran atau latihan tertentu bagi membolehkan mereka meneroka sesuatu bidang kerjaya baru; serta kurang pengetahuan tentang peluang-peluang baru untuk diceburi. Modal Kewangan: Dalam aspek kewangan dan pemilikan asset pula, ramai dalam kalangan wanita ini tiada miliki harta dan peralatan; sumber pendapatan mereka amat terhad dan bersifat tidak menentu; bantuan modal yang diterima pula tidak mencukupi dan sukar diperolehi; dan tidak mempunyai tabungan sendiri. Modal Fizikal: Penilaian ke atas modal fizikal kelompok wanita ini menunjukkan bahawa kurangnya keterlibatan mereka dalam bidang pekerjaan bukan sahaja didorong oleh ketiadaan kenderaan sendiri tetapi juga disebabkan lokasi tempat tinggal mereka yang sedia berjauhan dari pusat pekerjaan, tertutama di bandar. Peluang-peluang untuk mereka memiliki atau menyewa tapak-tapak perniagaan juga agak terhad di kawasan kajian.

Nelayan (Nelayan Pantai)

Sebahagian besar daripada keluarga miskin yang terlibat dalam aktiviti perikanan merupakan nelayan pantai. Hanya sebilangan kecil mereka daripada kelompok sosial ini terlibat sebagai tekong atau awak-awak dengan bekerja sebagai pekerja upahan. Sebagai nelayan pantai, mereka ini didapati kurang kesampaian kepada modal-modal berikut, lantaran itu menjadikan kehidupan sehari-hari mereka mudah terancam. Modal Sosial: Dapatan kajian menunjukkan ramai dalam kalangan nelayan pantai ini tiada menerima bantuan sama ada dalam bentuk modal, peralatan ataupun subsidi daripada agensi kerajaan

berikutan tidak memiliki lesen sebagai nelayan. Mereka juga kebanyakannya bukan ahli persatuan nelayan dan tidak memiliki jaringan sosial yang luas. Pergantungan mereka kepada orang tengah daripada segi mendapatkan pinjaman wang atau peralatan ke laut amat tinggi sehingga membawa kepada wujudnya unsur-unsur eksplotasi dari segi harga ke atas hasil tangkapan ikan mereka. Modal Manusia: Hasil tinjauan ke atas modal insan nelayan pantai di kawasan kajian juga mendapati kebanyakannya mereka sudah agak berusia, iaitu purata 45 tahun ke atas. Mereka juga dilaporkan tidak berpendidikan atau berpendidikan setakat sekolah rendah; tiada memiliki kemahiran atau latihan yang diperlukan bagi menjamin masa depan bekerjaya yang lebih baik. Modal Kewangan: Berkait dengan modal kewangan, ramai dalam kalangan nelayan pantai ini memilikisumber pendapatan yang agak kecil dan bersifat tidak menentu. Bantuan sarahidup dan modal yang diperolehi daripada pihak pemerintah juga dikatakan tidak mencukupi dan sukar diperolehi. Mereka juga dilaporkan tiada memiliki simpanan sendiri; tiada miliki aset; dan peluang mendapatkan pinjaman pula agak terhad kerana tidak layak menerima sesuatu pinjaman tersebut. Modal Fizikal dan Semulajadi: Pemilikan para nelayan pantai ini kebanyakannya tertumpu kepada bot kecil, enjin dan peralatan penangkapan ikan berteknologi rendah. Ini menyebabkan segala hasil dari sumber laut yang dikeluarkan adalah kecil berikutan daripada penggunaan bot kecil dan peralatan berteknologi rendah. Turut menyumbang kepada hasil tangkapan yang rendah adalah berkait rapat dengan kawasan penangkapan ikan yang terhad iaitu terletak di pinggir pantai dan bukan laut dalam. Hasil tangkapan mereka pula sering diancam bot pukat tunda yang sering menceroboh kawasan tangkapan ikan di pinggir pantai.

Petani/Perternak Kecil-Kecilan (Ikan Keli/Ayam/Itek/Udang/Kelapa Matag)

Perbincangan selanjutnya merujuk kepada kumpulan petani dan penternak kecil-kecilan di kawasan kajian. Hampir sebahagian besar penduduk yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan ini didapati berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman. Modal Sosial: Rata-rata mereka yang terlibat dalam aktiviti ini dilaporkan tidak menerima sebarang bantuan dalam bentuk modal peralatan atau subsidi. Kesampaian mereka kepada khidmat nasihat dan bantuan pihak berkaitan sangat terhad terutama ketika berhadapan dengan masalah penyakit pokok dan ternakan. Hanya sebilangan kecil yang mempunyai kenalan dengan pihak berkaitan mendapat khidmat nasihat pakar, sebaliknya majoriti lain terpaksa menguruskan masalah dihadapi berdasarkan kebolehan sendiri sahaja. Modal Manusia: Isu berkaitan ketiadaan kemahiran dan latihan dalam bidang yang diceburi juga agak besar dalam kalangan petani dan juga penternak ini. Kebanyakan mereka yang menceburi bidang ini didapati kurang pengalaman dan juga latihan. Mereka juga berhadapan dengan masalah mendapat bantuan tenaga kerja. Kebanyakkannya mereka bergantung kepada tenaga kerja keluarga berikutan kesukaran mendapat pekerja upahan yang berdedikasidan bermotivasi tinggi. Modal Kewangan: Ditinjau dari segi sumber modal kewangan untuk membiayai aktiviti tanaman semula, membeli baja dan racun serangga serta membina kandang dan kawasan ternakan yang lebih teratur dan selamat tidaklah begitu menggalakkan. Sumber pendapatan mereka bersifat tidak menentu untuk dijadikan modal pusingan, ditambah pula dengan kesukaran mendapat bantuan modal yang mencukupi atau kegagalan mendapat pinjaman dari institusi berkaitan telah menghambat usaha mereka untuk menyebarluas aktiviti yang telah dijalankan selama ini. Modal Fizikal: Selain bermasalah dalam mendapatkan modal kewangan bagi tujuan mengembangkan

kegiatan pertanian dan penternakan masing-masing, pergantungan penduduk kepada peralatan berteknologi rendah dan kekangan dari segi keluasan kawasan pertanian atau

padang ragut menjadikan aspek pengurusan ladang dan ternakan sukar dilaksanakan dengan efesien dan teratur. Berikutan dengan masalah ini, kawasan pertanian dan ternakan mereka mudah diceroboh oleh haiwan liar dan manusia. Modal Alam Semulajadi: Dalam aspek modal semulajadi, keadaan tanah pertanian yang kurang subur juga mendorong kepada produktiviti yang rendah. Keadaan tanah yang berpasir dan berlumpur ini menyebabkan kos pembajaan ladang sawit yang diusahakan di kawasan ini agak tinggi, lantas merencatkan proses tumbesar dan pengeluaran hasil dari ladang-ladang sawit tersebut ke tahap optimum. Keadaan menjadi lebih bermasalah apabila kebanyakan kawasan ladang ini berada berdekatan dengan hutan paya yang menjadi kawasan laluan babi hutan yang sering menceroboh tanaman mereka.

Ancaman Faktor Luar Kawalan

Selain berhadapan dengan masalah menguasai kelima-lima jenis modal di atas, kehidupan komuniti kajian (wargatua, wanita tidak bekerja, nelayan pantai dan petani/penternak kecil-kecilan) juga bergantung kepada beberapa faktor luaran lain. Ini merujuk kepada faktor bermusim (*seasonality*), bersifat kejutan (*shock*) dan faktor perubahan trend pasaran (*trends*).

Faktor bermusim (*seasonality*): Pergantungan hidup sebahagian besar nelayan pantai dan petani/penternak kecil-kecilan kepada hasil laut dan pertanian menunjukkan bahawa kelestarian hidup golongan ini adalah tertakluk kepada perubahan musim. Ketika musim tengkujuh melanda, golongan nelayan pantai umumnya menghadapi kesukaran untuk meneruskan kerja-kerja ke laut. Usaha ke laut pada musim ini juga tidak menjamin bahawa mereka akan pulang dengan jumlah tangkapan ikan yang banyak atau menerima upah bekerja ke laut yang baik. Sebaliknya, usaha ke laut pada musim sebegini boleh mendedahkan mereka kepada bahaya ribut yang mendatangkan ancaman ke atas keselamatan diri.

Perubahan musim juga menyebabkan hasil pertanian dari aktiviti menoreh getah atau bekebum tidak dapat dijalankan sepanjang tahun. Begitu juga dalam musim hujan ini, kebanyakan ternakan terutamanya ayam dan itik mudah mati akibat kesejukan atau dijangkiti penyakit. Bagi sebilangan warga tua di kawasan kajian, perubahan musim ini juga memberi kesan negatif kepada keadaan kesihatan dan menghadkan pergerakan mereka.

Faktor trend: Selain berhadapan dengan faktor perubahan musim, fenomena peningkatan kos sara hidup dan pengangkutan juga memberi tekanan kepada kehidupan wargatua, wanita tidak bekerja, nelayan pantai dan petani/penternak kecil-kecilan ini. Peningkatan kos bahan bakar seperti minyak petrol menyebabkan kos pengangkutan barang meningkat dan pihak pembekal juga terpaksa menaikkan harga ke atas barang jualan mereka. Bebanan peningkatan kos terhadap barang keperluan dan perkhidmatan ini juga menyebabkan kuasa membeli merekamerosot dan memberi tekanan ke atas kehidupan.

Selain diancam masalah peningkatkan kos sara hidup berikutan meningkatnya harga minyak, masalah turun naik harga pasaran yang tidak menentu ke atas barang pengeluaran perikanan, pertanian dan penternakan sedikit sebanyak meninggalkan kesan negatif. Misalnya, peningkatan kos baja, racun dan benih serta kos bahan makanan haiwan

telah memberi impak besar kepada mereka yang menceburi bidang pertanian dan penternakan ini. Di samping itu, tabiat penduduk setempat yang suka menternak lembu dan kambing secara bebas merayau tanpa menyediakan kandang yang sempurna juga menyebabkan banyak kawasan tanaman yang diusahakan penduduk setempat musnah dimakan haiwan ternakan berkenaan. Selain itu, ancaman haiwan liar seperti babi hutan dan kera juga dilihat kritikal terutama bagimereka yang mengusahakan kebun kelapa sawit, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sementara, bagi mereka yang menceburi bidang perikanan khususnya sebagai nelayan pantai, kehidupan mereka menjadi lebih tertekan apabila kos membeli peralatan menangkap ikan seperti enjin bot, pukat dan seumpama turut meningkat. Malah, meningkatnya kes-kes pencerobohan kawasan pinggir pantai oleh nelayan asing dan pemilik bot pukat tunda juga dilihat sebagai ancaman kepada sumber tangkapan ikan nelayan pantai ini.

Faktor Kejutan: Kegiatan pertanian dan penternakan penduduk setempat turut diancam dengan kejadian-kejadian yang berbentuk kejutan (*shock*). Antaranya serangan penyakit ke atas tumbuhan dan haiwan ternakan; ancaman haiwan perosak atau pemangsa; fenomena kecurian ke atas hasil pertanian dan ternakan yang berleluasa, kejadian kematian haiwan ternakan akibat keracunan, kemalangan dan seumpama.

Sementara keterancaman ke atas komuniti nelayan pantai disebabkan faktor kejutan boleh dilihat apabila berlakunya kerosakan pada bot, enjin atau peralatan penangkapan ikan dan seumpamanya ketika ke laut. Fenomena ini membuat kehidupan sebagai nelayan pantai amat terdedah kepada pelbagai ketidakpastian yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

Strategi Menangani Terancaman Hidup Komuniti Setempat

Melihat kepada pelbagai bentuk ancaman ekonomi yang dihadapi penduduk setempat, berikut dibentangkan beberapa strategi bagi menanggani masalah tersebut. Strategi yang dibentangkan ini dibahagikan kepada dua iaitu strategi setempat dan strategi institusi. Strategi setempat merujuk kepada langkah-langkah yang diambil penduduk dan komuniti sendiri dalam menghadapi cabaran ancaman sesuai dengan pengetahuan dan kemampuan yang dimiliki. Manakala strategi insitusi pula merujuk kepada langkah-langkah yang diambil pihak agensi berkaitan di bawah pembiayaan pemerintah mahupun badan NGO's dan koperasi tertentu.

Warga Tua

Strategi Setempat: Dalam menghadapi kehidupan yang penuh ketidakpastian, warga tua di kawasan kajian turut mengambil beberapa inisiatif bagi meneruskan kehidupan dengan memanfaatkan modal sosial sedia ada. Antaranya berusaha mendapatkan bantuan dan sokongan daripada ahli keluarga dan jiran dari segi material dan maklumat. Mereka juga menanggani masalah kewangan dengan terus melakukan pekerjaan sampingan (kerja kampung); berniaga secara kecil-kecilan; atau melalui bantuan kewangan dari saudara-mara dan anak-anak yang bekerja. Berikutnya kekangan ke atas modal fizikal, mereka bertindak dengan menumpang atau membina rumah di atas tanah orang lain. Jika wujud keperluan untuk ke pusat bandar bagi mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan, mereka akan menumpang pengangkutan jiran atau kenalan sekampung. **Strategi Institusi:** Dalam membantu golongan warga tua menghadapi keterancaman hidup, beberapa perkhidmatan

telah disediakan oleh pihak kerajaan. Antaranya, khidmat klinik kesihatan desa untuk penduduk setempat. Mereka juga tidak perlu bergerak jauh dan berbelanja besar ke pusat bandar bagi mendapatkan khidmat rawatan yang diperlukan. Golongan warga tua juga dibantu menanggani masalah kewangan melalui bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Zakat dan Baitulmal.

Wanita (Tidak Bekerja/Ibu Tunggal)

Strategi Setempat: Isu kewangan merupakan antara masalah utama yang banyak dihadapi golongan wanita tidak bekerja termasuk kalangan ibu tunggal. Bagaimenanggani masalah kewangan ini, mereka telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan. Tidak ketinggalan juga ada dalam kalangan mereka ini terpaksa mengambil keputusan memberhentikan persekolahan anak bagi meringankan beban kewangan dan melepaskan anak dalam usia persekolahan inibekerja bagi menanggung keperluan kewangan keluarga.

Strategi Institusi: Dalam konteks membantumengangani masalah kewangan dalam kalangan wanita tidak bekerja termasuk ibu tunggal ini, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik bagimembantu golongan ini. Antaranya termasuklah memberi bantuan pinjaman atau geran modal melalui Skim Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Skim Tekun, bantuan peralatan dalam bidang perniagaan, pemprosesan dan pengeluaran hasil tani. Mereka juga dibantu melalui peluang menghadiri kursus-kursus kemahiran anjuran KEMAS dan seumpama bagi meningkatkan kemahiran diri dan modal insan masing-masing. Bagi mereka berstatus daif, bantuan kebajikan melalui JKM telah disediakan. Strategi sebegini diambil pihak kerajaan dengan harapan dapat menjamin kelangsungan hidup dalam kalangan kelompok sosial ini.

Nelayan (Nelayan Pantai)

Strategi Setempat: Dalammenanggani masalah kewangan yang dihadapi, sebilangan nelayan pantai telah melibatkan diri dengan bekerja sebagai pekerja atau awak-awak kepada pemilik bot nelayan besar lain. Langkah ini telah diambil sebagai jaminan mereka mempunyai perolehan pendapatan tertentu berbentuk upah untuk menyara perbelanjaan keluarga. Bagi sesetengah nelayan pantai lain, mereka akan membuat pinjaman atau berhutang dengan tauke-tauke ikan. Hutang tersebut akan dijelaskan berasaskan hasil tangkapan yang dibuat dengan menjualnya kepada tauke tersebut. Tidak kurang juga mengambil risiko menceroboh kawasan larangan Taman Laut bagi meningkatkan hasil tangkapan. Bagi sebahagian nelayan tanpa lesen, bantuan kawan-kawan untuk membeli minyak diesel subsidi kerajaan dilakukan bagi mengurangkan kos perbelanjaan ke laut. Mereka juga turut mengatur beberapa strategi lain untuk menjimatkan perbelanjaan isirumah. Antaranya dengan membeli barang keperluan isirumah secara pukal ketika ke bandar pada kos lebih rendah sebagai langkah berjimat cermat terutama menjelangmusim tengkujuh atau hari tua. Pada musim tengkujuh pula, berikutan keadaan laut yang bergelora dan kurang selamat, kalangan nelayan pantai ini akan beralih daripada aktiviti menangkap ikan kepada menangkap udang di pesisir pantai atau terlibat dalam pekerjaan baikpulih bot sementara menunggu musim tengkujuh berakhir.

Strategi Institusi: Dalam usaha membantu meningkatkan modal manusia dalam kalangan nelayan pantai di kawasan kajian, beberapa strategi telah dilaksanakan pihak kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Antaranya melalui pengeluaran lesen kepada nelayan tulen yang bergantung hidup kepada usaha menangkap ikan secara sepenuh masa. Para nelayan juga digalakkan meningkatkan modal sosial melalui

keterlibatan mereka dalam persatuan nelayan atau pertubuhan koperasi nelayan setempat. Ini dilakukan dengan tujuan kebajikan para nelayan tersebut dapat diberi perhatian sewajarnya. Mereka juga turut dibantu menanggani masalah modal kewangan berikutan perolehan hasil dari aktiviti nelayan yang tidak menentu. Ini dijalankan melalui pemberian bantuan sara hidup kepada setiap nelayan berdaftar sebanyak RM200 sebulan, menyediakan pinjaman AIM kepada mereka yang layak, dan membenarkan nelayan (lesen A) terlibat dalam aktiviti pelancongan bagi menjana pendapatan tambahan. Dalam menanggani isu kemerosotan hasil laut berikutan pencerobohan bot-bot nelayan besar, langkah mengistiharkan dan menguatkuasa kawasan sekitar pulau berdekatan sebagai kawasan perlindungan Taman Laut telah dijalankan. Selain itu, usaha membantu kegiatan perikanan nelayan pantai melalui pembinaan jeti di kawasan strategik bagi kemudahan pendaratan hasil tangkapan nelayan pantai. Bantuan bot, enjin dan peralatan menangkap ikan daripada pihak LKIM dan Jabatan Perikanan termasuk pembangunan rumah PPRT juga dilihat mampu meringankan bebanan tanggungan yang dihadapi nelayan miskin dalam kawasan kajian.

Petani/Penternak Kecil-Kecilan

Strategi Setempat: Sebagai langkah menanggani masalah modal manusia dalam kalangan petani/penternak kecil-kecilan di kawasan kajian, tindakan telah diambil dengan merekrut tenaga buruh keluarga dan kanak-kanak kampung melakukan kerja-kerja di ladang atau kawasan penternakan. Penggunaan tenaga buruh keluarga tanpa upah atau kanak-kanak untuk menguruskan hasil tanaman dan juga ternakan dengan bayaran upah yang minimum sedikit sebanyak telah berjaya meringankan kos kewangan untuk menguruskan usaha pertanian dan ternakan secara kecil-kecilan ini. Strategi Institusi: Selain inisiatif bersifat setempat bagaimenanggani masalah modal manusia dalam kegiatan pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan ini, khidmat bantuan material dan khidmat nasihat yang disediakan pihak kerajaan dilihat dapat meringankan bebanan yang perlu ditanggung. Strategi seterusnya melibatkan langkah meningkatkan modal manusia melalui pengajuran beberapa kursus latihan kemahiran dalam bidang pertanian dan penternakan. Usaha juga dilakukan untuk mengukuhkan modal sosial dalam kalangan petani dan penternak tersebut dengan menyediakan khidmat nasihat kepakaran oleh pegawai atau kakitangan agensi berkaitan kepada mereka yang memerlukannya. Dalam menanggani kekangan modal kewangan bagi meningkatkan produktiviti, pelbagai bentuk bantuan berupa peralatan, baja, racun dan benih atau baka telah disediakan. Malah, usaha menaiktaraf kemudahan fizikal termasuk infrastruktur asas (modal fizikal) dalam kawasan kajian dilihat mampu membantu para petani dan juga penternak ini dalam urusan pengangkutan dan pemasaran hasil keluaran masing-masing.

Langkah Ke Hadapan

Dalam usaha menjamin kelestarian hidup komuniti kajian daripada berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan hidup, langkah-langkah ke arah pemerkasaan beberapa unit di peringkat individu, komuniti dan institusi perlu dilakukan. Antaranya termasuklah:

- a. Mengukuhkan keupayaan dalam kemahiran dan latihan, jaringan dan jangkauan kumpulan sasar.
- b. Meningkatkan ekuiti dalam pengagihan aset, pemilikan, peluang pekerjaan golongan sasar.

- c. Memperbaiki kualiti kehidupan komuniti sasar melalui pencapaian pendidikan, kesihatan, hubungan institusi dan komuniti setempat.
- d. Melaksanakan urusan perkongsian pintar antara agensi kerajaan, komuniti setempat dan sektor swasta. Ini boleh dicapai melalui penyediaan peluang penyertaan lebih luas kepada kumpulan sasar dalam aktiviti sosio-ekonomi setempat.

Inisiatif program kesedaran, pendidikan dan latihan perlu diteruskan sesuai dengan keperluan khusus golongan sasar.

KESIMPULAN

Kajian ini yang melibatkan beberapa perkampungan Melayu luar bandar dalam Mukim Penyabung, Mersing, Johor mendapati sebahagian besar responden dalam kalangan golongan wargatua adalah dalam kumpulan usia tua; uzur; kurang kekuatan fizikal dan mental serta tiada kemahiran untuk aktif bekerja yang terdedah kepada pelbagai situasi kehidupan yang mudah terancam. Mereka ini ini tergolong dalam kategori tidak berharta dan tiada tabungan atau simpanan peribadi. Golongan tua ini juga menghadapi masalah tiada menerima bantuan atau bantuan diterima pula tidak mencukupi, tiada jaminan pendapatan tetap dari pekerjaan yang diceburi, dan menghadapi kesukaran untuk membuat pinjaman atau mendapatkan bantuan kredit. Dalam keadaan sebegini, ramai dalam kalangan wargatua ini dilihat berhadapan dengan pelbagai masalah kewangan untuk menyara kehidupan masing-masing.

Manakala kumpulan pekerjaan di kawasan kajian mendapati kebanyakan mereka ialah golongan nelayan. Sebahagian besar mereka adalah miskin yang terlibat dalam aktiviti perikanan merupakan nelayan pantai. Hanya sebilangan kecil mereka daripada jenis sosial ini terlibat sebagai tekong atau awak-awak dengan bekerja sebagai pekerja upahan. Sebagai nelayan pantai, mereka ini didapati kurang kesampaian kepada modal-modal berikut, lantaran itu menjadikan kehidupan sehari-hari mereka mudah terancam.

Sebagai langkah untuk membantu responden daripada menghadapi masalah kemiskinan dan menghadapi kehidupan yang penuh ketidakpastian, warga tua, nelayan dan kaum wanita perlu diberikan perhatian oleh kerajaan dan organisasi bertanggungjawab. Antaranya ialah memberikan latihan yang berterusan dalam bidang pekerjaan mereka serta meningkatkan ekuiti dalam pengagihan aset, pemilikan, peluang pekerjaan golongan sasar. Dengan cara ini, mereka berpeluang meningkatkan kualiti hidup serta berupaya memberi peluang pendidikan yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Jalan keluar daripada belenggu kemiskinan adalah meningkatkan kesedaran memperolehi pendidikan di kalangan anak-anak masing-masing agar generasi berikutnya dapat keluar daripada putaran arus kemiskinan.

PENGHARGAAN

Penulis dan rakan-rakan merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- OECD. 2007. *Annual Report*, 2007. Paris: Organisation for Economic Co-operation and Development.
- Chambers, R., G.R. Conway, G.R., 1991. Sustainable rural livelihoods: Practical concepts for the 21st Century. *Institute of Development Studies Discussion Paper* 296. Brighton: University of Sussex.
- Knutsson, P., 2006, The sustainable livelihoods approach: A framewokr for knowledge intergration assessment, *Human Ecology Review*, **13 (1)**, 90-99.
- DFID.2 001. *Sustainable Livelihoods Framework*.livelihoods@dfid.gov.uk. London: Department for International Development.
- Bebbington, A., 1999. Capitals and capabilities: A framework for analyzing peasant viability, rural livelihoods and poverty. *World Development* **27**, 2021-2044.
- Scoones, I., 1998. Sustainable rural livelihoods: A framework for analysis. *Institute of Development Studies Working Paper* 72. Brighton: University of Sussex.
- Solesbury, W., 2003. Sustainable livelihoods: A case study of the evolution of DFID Policy. *ODI Working Paper* 217. London: DFID.
- UNDP. (1999a). Global programme on sustainable livelihoods. *UNOPS GLO/96/508/F/11/31*. New York: UNDP.
- UNDP. (1999b). Sustainable livelihoods: Lessons learned from global program experience. New York: UNDP.